

21 OCT 2001

Khalil-Wartawan

LAPORAN MENGENAI BERITA AP DIBENTANG KEPADA KABINET RABU INI

KUANTAN, 21 Okt (Bernama) -- Laporan mengenai berita Associated Press (AP) yang menyalah tafsir satu ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Parlimen akan dibentangkan pada mesyuarat kabinet minggu depan.

Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob hari ini berkata Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya Rabu lepas telah meminta beliau supaya menyediakan satu laporan berkaitan isu itu untuk dimaklumkan kepada kabinet.

"Saya tidak boleh menyatakan apa-apa sehinggalah saya mendapat pandangan daripada Kabinet minggu depan. AP juga sudah memohon maaf secara rasmi dan ini akan turut diambil kira," katanya kepada pemberita selepas berdialog dengan jawatankuasa bertindak perumahan awam kos rendah Bandar Indera Mahkota di sini.

Semasa ditanya sama ada Kementerian Penerangan bercadang menarik balik akreditasi daripada wartawan asing yang sering mengeluarkan laporan tidak tepat berkaitan negara ini, Khalil enggan memberikan sebarang pendapat sebelum Kabinet membincangkannya minggu depan.

Pada 8 Okt lepas, wartawan AP Sean Yoong memetik kenyataan Perdana Menteri di luar konteks berhubung serangan udara Amerika Syarikat terhadap Afghanistan. Agensi berita antarabangsa itu dilaporkan sudah memohon maaf kepada Dr Mahathir.

Mengenai masalah yang dihadapi penghuni rumah ters di Bandar Indera Mahkota, Khalil yang juga Anggota Parlimen Kuantan, berkata ia akan diselesaikan dalam jangka masa sederhana kerana ia membabitkan hampir 2,000 orang penduduk.

Katanya, masalah itu timbul berikutan beberapa fasal yang terkandung dalam perjanjian sewa beli tidak diperjelaskan oleh pemaju projek kepada pembeli.

Pengerusi jawatankuasa bertindak itu Abas Kassim berkata penduduk terbabit mula mendiami 566 unit rumah teres di Bandar Indera Mahkota itu pada 1989 secara sewa beli.

Katanya, pihak pemaju projek hanya meminta mereka menandatangani borang perjanjian yang kosong dan selepas beberapa bulan kemudian barulah mereka mengetahui bahawa mereka hanyalah menyewa dan tertakluk kepada pihak pemaju untuk menjualnya mengikut keadaan.

Pada 28 Sept lepas pula, pemaju terbabit membuat tawaran untuk menjual rumah-rumah itu pada harga RM24,500 bagi setiap unit dengan mengemukakan borang perjanjian baru.

-- BERNAMA

ROS MAI